



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**  

---

**PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 2 TAHUN 2009**  

---

**MANUAL PENYEDIAAN LAPORAN PRESTASI TAHUNAN  
(LNPT) DAN PENYEDIAAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT)  
ANGGOTA LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeling ini ialah untuk memberi penjelasan mengenai pelaksanaan Manual Penyediaan Laporan Prestasi Tahunan (LNPT) dan Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan Anggota Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan adalah untuk mengukur prestasi dan mengekalkan serta mempertingkatkan keupayaan dan produktiviti anggota serta memberikan pencapaian keseluruhan kepada organisasi.
- 2.2. Sistem Penilaian Prestasi ini melibatkan proses penetapan sasaran kerja tahunan, penilaian perlakuan dan pencapaian kerja anggota dalam tempoh masa tertentu bagi mempertingkatkan kualiti dan produktiviti sesebuah jabatan.

- 2.3. Dalam hubungan ini proses penilaian prestasi anggota perlu dilaksanakan mengikut sistem dan prinsip yang sah supaya dapat menghasilkan penilaian yang objektif, adil dan telus.
- 2.4 Pada ketika ini urusan penilaian prestasi anggota dilaksanakan dengan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2002 disamping peraturan dalaman di LPP sendiri. Ia perlu didokumenkan untuk memudahkan rujukan dibuat samada diperingkat pengurusan mahupun anggota keseluruhannya.

### **3. KANDUNGAN MANUAL**

- 3.1 Manual ini akan menjelaskan mengenai tatacara penyediaan Laporan Penilaian Prestasi meliputi:
- a) Tanggungjawab Ketua Jabatan, Pegawai Penilai Pertama (PPP), Pegawai Penilai Kedua (PPK) dan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
  - b) Pelan Tindakan Pelaksanaan Pengurusan LNPT
  - c) Borang Laporan Nilai Prestasi
  - d) Markah Laporan Penilaian Prestasi
- 3.2 Manakala panduan penyediaan Sasaran Kerja Tahunan menjelaskan mengenai tatacara penyediaan Sasaran Kerja Tahunan meliputi:
- a) Perancangan Tahunan Organisasi
  - b) Penetapan Rancangan Kerja Jabatan/Bahagian
  - c) Penetapan Sasaran Kerja PYD
  - d) Pelaksanaan Kerja dan Pengesanan

- e) Kajian Semula Pertengahan Tahun
- f) Pelaksanaan Kerja dan Pengesanan
- g) Penilaian Pencapaian Kerja

3.3. Dasar dan garis panduan ini akan menjadi dokumen rasmi LPP dalam urusan penyediaan laporan prestasi tahunan dan penyediaan sasaran kerja tahunan anggota Lembaga Pertubuhan Peladang.

#### 4. TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai ia di keluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' HAJI ABD RAHIM BIN HAJI AHMAD)

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

27 Februari 2009

Edaran kepada:

- Semua Timbalan Ketua Pengarah
- Semua Pengarah Bahagian
- Semua Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang